

16/12/2001

Mahathir kecewa Israel tidak dianggap pengganas

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerajaan Israel dan tenteranya tidak dikecam sebagai pengganas oleh dunia Barat, meskipun perbuatan mereka lebih ganas daripada tindak balas rakyat Palestin.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya Presiden Palestin, Yasser Arafat dipersalahkan dengan didakwa sebagai ketua pengganas kerana tidak memberkas orang Palestin yang mengganas.

"Presiden Arafat bukan presiden negara yang berkuasa penuh. Apakah mungkin pemerintahan Arafat membendung dan mengawal rakyatnya yang amat marah kerana kehilangan saudara-mara, anak cucu dan rakan yang telah dibunuh oleh kerajaan Israel?" katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusan Aidilfitri yang disiarkan melalui RTM, TV3 dan Astro, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang penuh berkuasa sekalipun tidak dapat memberkas semua penjenayah dalam masyarakatnya, apatah lagi kerajaan Arafat yang tidak diberi kuasa sepenuhnya.

Beliau berkata, mungkin serangan yang dilakukan Israel disebabkan perbuatan ganas rakyat Palestin yang meletupkan diri dan membawa maut serta mencederakan sebilangan rakyat Israel.

"Perbuatan orang Palestin ini boleh ditafsirkan sebagai keganasan dan kita boleh kutuk keganasan ini, boleh mendakwa mereka yang melakukan ini sebagai pengganas.

"Tapi, kita perlu kutuk juga orang Israel dan kerajaan Israel sebagai pengganas. Bagi setiap seorang rakyat Israel yang terbunuh, empat rakyat Palestin yang dibunuh oleh tentera Israel," katanya.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam tidak boleh lupa bahawa Israel didirikan di atas wilayah Arab Palestin oleh kuasa-kuasa Barat kerana ingin menebus dosa pembunuhan enam juta rakyat Yahudi di Eropah.

"Orang Arab diusir dari wilayah mereka supaya sebuah negara Yahudi dapat didirikan di Palestin.

"Inilah bangsa-bangsa yang sering bercakap mengenai keadilan," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau juga, di saat umat Islam merayakan Aidilfitri, ramai lagi saudara sesama Islam yang masih berperang dan bernasib buruk.

"Di Afghanistan, perang sesama orang Islam masih berlaku. Kita tahu kekecewaan dan kemarahan puak Pakatan Utara pimpinan Rabbani terhadap Taliban dan orang asing yang menyertai Taliban.

"Tapi, apakah Islam membenarkan tindakan membunuh ratusan askar Taliban dan askar sekutunya yang terdiri daripada orang Pakistan, Chechen dan Arab setelah ditawan?" katanya.

Menurut Dr Mahathir, alasan kononnya mereka cuba melarikan diri dan membunuh pengawal mereka tidak boleh diterima dan tidak munasabah.

Justeru, katanya kuasa Barat menolak desakan supaya perbuatan seumpama itu disiasat.

Lebih menyedihkan apabila puak seperti itu telah menjatuhkan kerajaan dan mereka kemudiannya berebut kuasa untuk kepentingan mereka.

"Kepemimpinan negara Islam seperti ini hanya berharap kepada semangat, semangat jihad kononnya. Pertahanan diserahkan kepada pasukan yang tidak berdisiplin, tidak terlatih dan tidak tersusun secara tentera.

"Adakalanya budak belasan tahun yang tidak dapat memikul senjata dan tidak tahu menggunakannya dihantar ke medan perang untuk berjihad dengan menjanjikan bahawa tempat mereka di syurga dijamin, seolah-olah ada

manusia yang boleh menjamin sesuatu di akhirat, mengambil alih kuasa Tuhan," katanya.

Kata Perdana Menteri, oleh kerana wujudnya kumpulan yang kononnya berjuang demi Islam dengan menjatuhkan negara Islam, hari ini tidak ada satu pun negara Islam yang dapat dibangunkan serta mempertahankan negara Islam lain.

Kesalahan itu, katanya sepatutnya diletakkan kepada umat Islam sendiri kerana tidak mematuhi ajaran Islam sebenar.

(END)